

Ruj. Kami : (8.00)(01.00)96/1-3/(84)

Tarikh : 2 Jun 1997

Ketua Jabatan/Ketua Pejabat
Di Rumah Persekutuan dan Wisma Persekutuan Sabah

Y.Bhg. Dato/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 13/1997**

**PENGUBAHSUAIAN PEJABAT DI RUMAH
PERSEKUTUAN DAN WISMA PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, berdasarkan daripada lawatan dan pemeriksaan pejabat ini ke jabatan/pejabat di Rumah Persekutuan dan Wisma Persekutuan di Sabah didapati terdapat jabatan/pejabat yang telah membuat pengubahsuaian ruang pejabat tanpa kelulusan pejabat ini. Sebagai contoh, terdapat pengubahsuaian pejabat yang telah dibuat melibatkan pendawaian elektrik dibiarkan tergantung dan tidak dipasang semula yang mungkin mengakibatkan litar pintas. Disamping itu, terdapat juga Jabatan yang telah mengubahsuaikan pejabat dengan menyediakan bilik mesyuarat Jabatan yang jarang digunakan dan ini akan mengakibatkan ruang pejabat sebenarnya menjadi kecil.

3. Sehubungan dengan ini, di masa hadapan, sekiranya pihak Y.Bhg. Dato/ Datuk/Tuan/Puan merancang untuk melaksanakan pengubahsuaian ruang pejabat di Rumah Persekutuan dan Wisma Persekutuan, pihak Y.Bhg. Dato/Datuk/ Tuan/Puan hendaklah mengemukakan cadangan pelan pengubahsuaian ke Unit Tadbiran Malaysia (MAMPU) Cawangan Sabah terlebih dahulu untuk mendapatkan pandangan dan ulasan sebelum permohonan tersebut dipanjangkan ke pejabat ini.

Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah

T.T
(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.
s.k.

Fail No. PMS/UP/76/1